

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM]

SOALAN NO. 121

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan senarai usaha-usaha kerajaan dalam pembasmian kemiskinan sejak Mei 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa komited untuk terus membasmi kemiskinan serta merapatkan jurang di antara etnik, kelas pendapatan dan wilayah.
2. Bagi program jangka pendek, di bawah Belanjawan 2019, Kerajaan telah memberi fokus kepada program meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan serta menangani kos sara hidup rakyat seperti menambah baik Bantuan Sara Hidup (BSH), memperkenalkan skim caruman KWSP i-Suri dan subsidi elektrik kepada penerima program eKasih.

Untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan dan perlindungan sosial, Dana Perlindungan Kesihatan B40 dan Skim Perlindungan Kesihatan (PEKA) bagi B40 telah diperkenalkan. Peruntukan perumahan mampu milik juga disediakan termasuk penyediaandana pembiayaan perumahan oleh Bank Negara Malaysia.

3. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, (KSP RMKe-11), memberi keutamaan khusus kepada dasar dan strategi untuk meningkatkan pendapatan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) terutamanya golongan miskin di seluruh negara. Ini

dilaksanakan melalui pemberian bantuan bagi membantu isi rumah B40 terutamanya isi rumah miskin serta melaksanakan pelbagai program dan inisiatif bagi meningkatkan pendapatan dan kuasa beli mereka.

Antara langkah jangka masa panjang yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

- (i) program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan serta penyediaan keperluan asas yang meliputi aspek perumahan, pendidikan dan kesihatan akan terus dilaksanakan. Akses kepada latihan kemahiran diperkuuh sebagai inisiatif utama dalam peningkatan mobiliti sosial.
- (ii) membangunkan kapasiti dan keupayaan dalam kalangan isi rumah B40 terutamanya golongan miskin melalui perluasan program pendidikan dan latihan. Bantuan pendidikan seperti Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin dan Rancangan Makanan Tambahan kini diperluas bagi meringankan beban isi rumah miskin dan berpendapatan rendah. Ini meliputi penyediaan kemudahan pembiayaan pendidikan dan latihan bertujuan untuk meningkatkan tahap kemahiran serta peluang mereka memperoleh pekerjaan berpendapatan lebih tinggi seterusnya dalam jangka masa panjang meningkatkan mobiliti sosial isi rumah ini;
- (iii) memperluaskan penglibatan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan, termasuk secara atas talian (*online*). Ini dilaksanakan melalui pelbagai strategi termasuklah dengan meningkatkan akses dan peluang kepada bantuan pembiayaan kredit mikro, khidmat nasihat dan latihan keusahawan;
- (iv) meningkatkan produktiviti dan pendapatan para petani, pekebun kecil dan nelayan melalui aplikasi teknologi moden, amalan pertanian terbaik (*good agricultural practices*) dan aktiviti ekonomi tambahan; dan
- (v) memperluas akses kepada kemudahan asas seperti infrastruktur dan pengangkutan, utiliti dan ameniti sosial di

kawasan luar bandar bagi memperkuuh keterhubungan lalu merancakkan aktiviti ekonomi dan meningkatkan peluang pekerjaan dalam kalangan isi rumah B40 terutamanya golongan miskin dan berpendapatan rendah di luar bandar.

4. Usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi golongan B40 terutamanya golongan miskin sudah tentu akan memberi kesan yang positif kepada rakyat dan negara secara keseluruhannya. Melalui pendekatan pembangunan yang inklusif dan holistik berasaskan “*shared prosperity*”, Kerajaan yakin insiden kemiskinan akan dapat terus dikurangkan dan pendapatan serta kualiti hidup rakyat dapat ditingkatkan. Ini akan memastikan hasil pertumbuhan ekonomi dapat dikongsi dan dinikmati oleh seluruh rakyat dan negara akan mencapai Kemakmuran Bersama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

SOALAN NO. 122

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [Klang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit Hepatitis C yang telah dikesan pada tahun 2018, dan berapa ramai dari mereka sedang menerima rawatan dan ubat ‘Sofosbuvir’ dengan harga yang rendah melalui ‘compulsory licensing’ yang diterima pada tahun 2017.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pada tahun 2018, sebanyak 2,842 kes Hepatitis C telah dikesan dengan kadar notifikasi 8.78 bagi setiap 100,000 penduduk. Bilangan kes Hepatitis C yang dikesan dijangka akan terus meningkat dengan peningkatan kesedaran masyarakat dan pengamal perubatan dalam melaporkan kes hepatitis C. Manakala jumlah pesakit Hepatitis C yang telah menerima rawatan di fasiliti KKM dengan menggunakan ubat sofosbuvir bermula Mac 2018 sehingga Mei 2019 adalah seramai 2,428 orang.

Sekian, terima kasih.